

Pusat lupus sampah patut diubah suai

Sistem terbaik dengan teknologi mesra alam dapat elak pencemaran



**Bersama
Rejal Arbee**

HUJUNG minggu lalu, Malaysia turut dinamakan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia Pasifik (Unescap) sebagai negara contoh di Asia Pasifik yang mempunyai dasar mesra alam bagi memastikan pembangunan harus dilaksanakan secara seimbang dengan diberikan penekanan terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Malah, Pengarah Bahagian Alam Sekitar dan Pembangunan Mampan Unescap, Rae Kwon Chung, berkata dasar pembangunan dan kemampuan alam sekitar Malaysia boleh menjadi model kepada negara lain kerana keseluruhan kerajaan bermula dari Jabatan Perdana Menteri sentiasa berusaha melaksanakan dasar alam sekitar. Ini berbeza dengan negara lain menyerahkan pemuliharaan alam sekitar kepada jabatan berkaitan.

Tetapi apakah dengan pandangan positif itu kita sudah boleh berpeluk tubuh? Kalau dilihat daripada liputan media masih banyak perlu dilakukan untuk memulihara alam sekitar demi kepentingan rakyat dan anak cucu pada masa depan.

Apa tidaknya, pada hari sama pengumuman itu dibuat di Bangkok, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Pencemaran Alam Sekitar pada mesyuarat pertamanya memutuskan menutup 16 pusat pelupusan sampah terbuka beroperasi berdekatan dengan sumber air.

Keputusan drastik itu diambil kerana pusat pelupusan itu didapati tidak selamat dan mungkin boleh mencemari bekalan air bagi kawasan terbabit.

Ini berikutan beberapa kejadian penyerapan air larut resap (licheate) dari pusat pelupusan sampah ke dalam sungai, menyebabkan bekalan air tercemar teruk hingga tidak dapat dirawat dengan sempurna. Akibatnya air disalurkan kepada pengguna

INTI PATI

- Menghairankan bagaimana kegiatan lain seperti kilang haram, pusat ternakan ayam dan babi dibiarkan beroperasi berhampiran sungai.
- Kerakusan manusia hendak mengejar pembangunan yang membawa kepada kemusnahan sumber air dan tadahan selain daripada menjejaskan kedudukan ekosistem.
- Masalah pembuangan sisa pepejal jika tidak dapat ditangani dengan baik dan berkesan serta timbunan sisa dihasilkan setiap hari membawa kepada pencemaran alam yang teruk.
- Usaha dilakukan untuk mewujudkan pusat pembuangan sampah menggunakan sistem menghasilkan tenaga daripada bahan buangan.

bukan saja keruh tetapi berbau busuk.

Menurut Puncak Niaga Sdn Bhd, pemegang konsesi merawat air mentah di Selangor, operasi rawatan air di beberapa loji terpaksa dihentikan 123 kali tahun lalu, bagi menghalang air tercemar dari sungai yang membekalkan air mentah memasuki loji rawatan. Jika operasi rawatan tidak dihentikan kualiti air dibekalkan kepada pengguna terjejas.

Bagaimanapun, beberapa kejadian besar berlaku menjejaskan bekalan air bersih kepada pengguna di Lembah Klang pada Februari dan April lalu sehingga terpaksa menutup sementara loji berkenaan, menyebabkan bekalan air kepada hampir tiga juta pengguna di sekitar Kuala Lumpur dan di daerah Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang dan Petaling turut terjejas.

Ada pihak menyatakan penyerapan *licheate* dari pusat pelupusan sampah ke dalam sungai berlaku kerana hujan lebat. Benar penyerapan *licheate* ke dalam sungai memburukkan lagi kualiti air sungai yang sudah pun tercemar. Apa yang berlaku ialah kebanyakan sungai di negara ini sudah

tercemar hingga kedudukan ekosistem tidak mampu menyerap pencemaran.

Jadi penutupan 16 pusat pelupusan sampah di tujuh negeri di Semenanjung hanya tindakan jangka pendek untuk tidak menambahkan lagi pencemaran beberapa sungai terbabit. Menghairankan bagaimana pusat pelupusan itu dibenarkan beroperasi berdekatan sungai. Tidakkah ada ketetapan mengharamkan kegiatan di rizab sungai?

Agak menghairankan bagaimana kegiatan lain seperti kilang haram, pusat ternakan ayam dan babi dibiarkan beroperasi berhampiran sungai. Semua kegiatan ini menghasilkan sisa, baik pepejal mahu pun cairan termasuk sisa toksik. Pengusaha kilang dan pusat ternakan membiarkan saja sisa mengalir tanpa dirawat, manakala sampah dihumban saja ke dalam sungai.

Tidak menghairankan keadaan kebanyakan sungai di Semenanjung 'mencemaskan' sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ada sungai terlalu banyak toksik kalau dicampak anak buaya ke dalamnya pun boleh mati. Walaupun, beliau memberikan pandangannya secara berseloroh, ia tidak lari daripada apa berlaku kepada sungai kita.

Beliau menyalahkan kerakusan manusia hendak mengejar pembangunan yang membawa kepada kemusnahan sumber air dan tadahan selain daripada menjejaskan kedudukan ekosistem.

Sebenarnya, kerajaan melancarkan Kempen Sayangi Sungai sejak 1993 lagi. Kempen itu merangkumi usaha memantau, memulihara, membersihkan dan mengindahkan sungai oleh penduduk dan pengusaha atau pengilang berdekatan sungai.

Tetapi, ramai tidak mengendahkan usaha ini dan terus menggunakan sungai sebagai tempat membuang segala macam sampah dan sisa. Tidak menghairankan beberapa sungai dikategorikan sebagai sudah mati.

Selain daripada masalah pencemaran sungai, soal bagaimana hendak melupuskan sampah baik dari rumah dan pejabat atau sisa toksik dihasilkan kilang dan projek juga membawa kepada pencemaran ketara.

Pembuangan sisa toksik masih tidak dapat diatasi secara menyeluruh, walaupun pusat pelupusan sisa toksik di Bukit Nanas,

Negeri Sembilan diwujudkan.

Kini, timbul pula masalah pembuangan sisa pepejal jika tidak dapat ditangani dengan baik dan berkesan, timbunan sisa dihasilkan setiap hari membawa kepada pencemaran alam yang teruk.

Setiap hari tidak kurang daripada 18,000 tan sisa pepejal dipercayai dihasilkan pengguna dan pengusaha. Ketika ini, sisa itu dibuang di pusat pelupusan sampah terbuka. Kedudukan pusat pembuangan sampah yang sedia ada tidak dapat dipertahankan lagi termasuk yang berada jauh dari sungai.

Usaha kerajaan mendirikan insinerator, yang mana sampah dan sisa buangan dilupuskan menggunakan teknologi canggih menghadapi jalan buntu kerana orang ramai tidak mahu pembinaannya berdekatan kediaman mereka. Oleh itu, insinerator dicadangkan mulanya di Puchong terpaksa berpindah hingga akhirnya ke Broga yang agak terpencil dari perkampungan. Tetapi pembinaannya di situ mendapat bantahan dan projek itu belum dapat dilaksanakan.

Kini, 83 pusat pembuangan sampah terbuka sudah ditutup. Bagaimanapun, 163 pusat pembuangan sampah masih beroperasi. Pusat yang masih beroperasi ini selain menjejaskan keadaan alam sekitar boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan mereka yang tinggal berdekatan. Ia disebabkan tempat membuang sampah mengeluarkan gas methane, ammonia dan gas toksik. Usaha sedang dilaksanakan untuk mengubah suai semua tapak itu menjadi pusat pelupusan sanitari yang lebih mesra alam.

Usaha juga dilakukan untuk mewujudkan pusat pembuangan sampah menggunakan sistem menghasilkan tenaga daripada bahan buangan (Refuse-Derived Fuel). Sebuah pusat seperti itu sedang dibina di Semenyih dan akan beroperasi bulan depan. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Pencemaran Alam Sekitar akan mengkaji keberkesanannya seperti beberapa cadangan lain dalam usaha mewujudkan sistem terbaik melupuskan sampah.

Diharapkan usaha ini dapat memulihara alam sekitar supaya pengiktirafan sebagai sebuah negara mesra alam tidak dipersia.